

Oleh Faizatul Farhana  
Farush Khan  
ffarhana@bh.com.my

Kuala Lumpur

Institut Pengupayaan Wanita bagi Pergerakan Negara-Negara Anggota Berkecuali (NIEW) akan menganjurkan pertandingan debat antara institusi pengajian tinggi (IPT), Debat Perdana Gender 2014 bermula esok hingga 13 Oktober ini yang disertai 100 pasukan.

Pertandingan tahunan sejak tahun 2011 yang kali ini bertempat di Universiti Putra Malaysia (UPM) itu dianjurkan dengan kerjasama Majlis Debat Universiti-universiti Malaysia (MADUM) dan universiti berkenaan.

Pengarah NIEW, Normalia Ibrahim, berkata pertandingan itu bertujuan mendedahkan belia dengan isu gender tempatan dan antarabangsa, meningkatkan kesedaran masyarakat dan mengangkat agenda gender ke peringkat perbincangan yang lebih meluas.

"Pertandingan ini saluran untuk pelajar IPT mengemukakan pendapat, bertukar idea, berhujah dan berbincang secara bijak, selain meningkatkan kefahaman mereka dalam topik sesuatu isu dibentangkan."

"Melalui program ini, pelajar berpeluang melontarkan idea bernas, menimba pengalaman bersaing dengan pendebat-pendebat hebat dan meningkatkan keyakinan serta keberanian berkomunikasi di khalayak," katanya ketika ditemui di Pejabat NIEW, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat di sini, semalam.

Yang turut hadir, Ketua



Normalia (kiri) bersama dengan Norsharyna dan Joanna (kanan) menunjukkan poster Pertandingan Debat Perdana Gender 2014.

# NEW anjur Pertandingan Debat Perdana Gender 2014

Penolong Pengarah (Ekonomi dan Politik) NIEW, Joanna Zahra A Liom dan Pegawai Penyelaras Pertandingan Debat Perdana Gender 2014, Norsharyna Shafawi.

Pada tahun ini, pertandingan itu menerima saman untuk menggalakkan drifitip IPT awam dan swasta dengan kira-kira 150 penyertaan, sebelum disenarai pendek kepada 100 penyertaan, berbanding 76 penyertaan pada tahun lalu, 60 penyertaan (2012) dan 50

penyertaan (2011).

## Perjuang isu gender

Normalia berkata, selain memenuhi misi dan visi NIEW sebagai agensi yang memperjuangkan isu gender, pertandingan itu juga bagi menyokong usaha kerajaan dalam memupuk kesedaran gender terhadap belia, terutama pelajar untuk mewujudkan sebuah masyarakat yang lebih berfikiran luas serta saling menghormati keupayaan wanita.

"Kita turut menjemput orang ramai, termasuk generasi muda untuk hadir menonton pertandingan yang mengagumkan ini kerana ia bukan sahaja mampu meningkatkan pengetahuan mereka, tetapi juga boleh menimba pengalaman sebagai pendebat yang baik dan terhibur," katanya.

Diadakan dalam dua kategori iaitu Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris, pertandingan itu menawarkan hadiah wang tunai bernilai RM3,500 dan piala pusingan untuk johan setiap kategori.

Naib juara pula akan membawa pulang RM 2,500 manakala tempat ketiga serta keempat masing-masing menerima RM2,000 dan RM1,500.

Selain piala iringan untuk keempat-empat peringkat pemenang, Pendebat Terbaik Pertandingan Akhir dan Pendebat Terbaik Keseluruhan bagi setiap kategori bakal memperoleh wang tunai RM600.

Pertandingan peringkat

## INFO

### Tentatif Program Pertandingan Debat Perdana Gender 2014

Jumaat (10 Oktober 2014)

2.30 petang Pendaftaran

Peserta: Kolej Kediaman

Institut Penilaian

Negara (INSPENS)

7.00 malam Makan

Malam INSPENS

8.30 malam Taklimat/

Undian Pasukan

10.30 malam Minum malam Bersurai

Sabtu (11 Oktober 2014)

8.00 pagi Sarapan Pagi

9.00 pagi Bengkel Hakim

9.00 pagi Pusingan 1

10.30 pagi Berkumpul,

Panggilan Pasukan,

Pengumuman Keputusan

dan Cabutan Usul

11.00 pagi Pusingan

1.00 petang Rehat/

Makan/Solat

2.30 petang Berkumpul,

Panggilan Pasukan,

Pengumuman Keputusan

dan Cabutan Usul

3.00 petang Pusingan

5.00 petang Tamat/Bersurai

7.00 malam Makan Malam

Ahad (12 Oktober 2014)

8.00 pagi Sarapan Pagi

Berkumpul, Panggilan

Pasukan, Pengumuman

Keputusan dan Cabutan Usul

8.30 pagi Pusingan 4

10.30 pagi Berkumpul,  
Panggilan Pasukan,  
Pengumuman Keputusan  
dan Cabutan Usul

11.00 pagi Pusingan 5

1.00 petang Rehat/  
Makan/Solat

2.30 petang Berkumpul,  
Panggilan Pasukan,  
Pengumuman Keputusan  
dan Cabutan Usul

3.00 petang Pusingan  
Suku Akhir

5.00 petang Tamat/Bersurai

7.00 malam Makan Malam

Isrin (13 Oktober 2014)

8.00 pagi Sarapan Pagi  
Berkumpul, Panggilan  
Pasukan dan Cabutan Usul

8.30 pagi Pusingan  
Separuh Akhir

11.00 pagi Berkumpul,  
Panggilan Pasukan  
dan Cabutan Usul

11.30 pagi Pertandingan Akhir  
Kategori Bahasa Inggeris dan  
Majlis Penyampaian Hadiah

1.30 petang Rehat/  
Makan/Solat

3.00 petang Rapatai  
Penuh Pertandingan Akhir  
Kategori Bahasa Melayu

7.30 malam Berkumpul,  
Panggilan Pasukan  
dan Cabutan Usul

8.30 malam Pertandingan  
Akhir Kategori Bahasa Melayu  
Pengumuman pemenang  
Penyampaian hadiah

10.30 malam Tamat/Bersurai

pusingan akan diadakan di Kompleks Akademik E, UPM pada 11 dan 12 Oktober, suku akhir di Kompleks Akademik E, UPM (12 Oktober) dan separuh akhir (13 Oktober jam 8.30 pagi) di Kolej Keenam dan Kolej Kelima UPM.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Sri Rohani Abdul Karim dan Timbalan Naib Canselor (HEP & Alumni) UPM, Prof Datuk Dr Mohammad Shatar Sabran dijangka hadir pada pertandingan akhir itu.